

## FARAID ASET DIGITAL DI MALAYSIA

**MOHD KAMARUL KHAIDZIR SAADAN & FARAH KATRINA BINTI BATCHO**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi, Selangor.

khaidzir@kuis.edu.my, 18bs02015@student.kuis.edu.my

### ABSTRAK

Ilmu faraid sudah menjadi ilmu yang maklum untuk setiap masyarakat Islam kerana ia merupakan ilmu yang wajib dipelajari. Setiap muslim berperanan untuk melaksanakan pembahagian harta pusaka dengan mematuhi syariat Islam agar dapat memberi kemudahan kepada si mati dan juga kepada waris yang berhak menerima harta pusaka tersebut. Ini kerana terdapat banyak kes pengurusan harta pusaka yang lambat diselesaikan menyebabkan kematian berlapis. Pembahagian harta pusaka merangkumi harta alih dan tak alih termasuk asset digital. Aset digital yang merupakan maklumat yang baru bagi sesetengah masyarakat perlu diketahui pada realiti semasa kini kerana ia akan dipraktikkan juga pada masa akan datang yang semakin moden pada era sekarang. Aset digital yang perlu diketahui oleh seluruh masyarakat adalah berdasarkan aset digital yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti hendaklah diamalkan mengikut garis panduan yang betul supaya tidak melanggar peraturan yang ditetapkan dan hukum Islam agar tidak menjadi sebarang masalah seperti rasuah, penyelewengan wang, perkara yang dilarang dalam Islam dan sebagainya. Kajian ini memfokuskan kepada ilmu faraid dan maklumat terperinci mengenai asset digital. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan dalam pembentukan kerangka metodologi yang lebih berkesan. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan panduan untuk seluruh masyarakat agar dapat dipraktikkan dengan betul dan telus agar segala amalan dilaksanakan selaridengan panduan dan hukum yang telah ditetapkan.

*Kata kunci:* faraid, harta pusaka, aset digital.

### PENDAHULUAN

Ilmu faraid ialah ilmu fiqh mengenai kaedah asas yang perlu diketahui dalam pembahagian harta pusaka kepada waris yang berhak. Rasulullah s.a.w menempatkan ilmu ini sangat tinggi sebaris dengan ilmu-ilmu yang lain. Sesungguhnya ia adalah setengah daripada ilmu dan ia akan dilupakan, dan ia merupakan suatu ilmu yang mula-mula akan dicabut daripada umatku. Islam amat mengambil berat tentang pembahagian harta pusaka si mati dengan menentukan beberapa perkara yang berkaitan dengannya. Ilmu ini sangat penting untuk diketahui oleh setiap umat Islam bagi menjaga harta peninggalan si mati daripada berlaku sebarang penyelewengan dalam pembahagiannya kepada ahli waris. Aset digital secara umumnya bermaksud kandungan yang disimpan secara digital. Ia boleh dimaksudkan dengan gambar, imej, video, fail yang mengandungi teks, atau *spreadsheets*. Daripada senarai definisi semua fail format yang diterima sebagai maksud aset digital tersebut, ia juga boleh menjadi apa-apa kandungan, dalam apa-apa format yang disimpan secara digital dan memberikan nilai kepada sesuatu syarikat, atau kepada pengguna.

## PERBINCANGAN

### **Faraid Menurut Syarak**

Faraid daripada segi bahasa bermaksud ketetapan. Manakala menurut syarak adalah pembahagian harta orang Islam yang telah meninggal dunia sama ada beliau meninggalkan wasiat atau tidak sebelum kematiannya. Maka harta peninggalannya akan dibahagikan kepada ahli warisnya seperti anak, isteri, suami, ibu dan lain-lain menurut hukum Islam. Faraid juga bermaksud pengetahuan mendalam tentang pusaka yang ditinggalkan oleh si mati dan ilmu kira-kira iaitu ilmu matematik yang membolehkan kita mengetahui bahagian pusaka yang berhak diterima oleh pihak waris yang berhak menerimanya (Amirulhakim, 2017). Dalam definisi lain, faraid ini adalah ilmu berkaitan kaedah fiqh dan kaedah kira-kira yang membolehkan kita mengetahui bahagian pusaka setiap pewaris (Mohd Zamro, 2008).

Ilmu faraid adalah kombinasi iaitu gabungan tiga ilmu yang disatukan iaitu ilmu nasab, ilmu fatwa dan ilmu hisab atau matematik. Ilmu nasab adalah ilmu yang berkaitan dengan keturunan si mati. Waris-waris yang layak menerima harta si mati itu hendaklah diklasifikasikan dahulu secara sah mengikut syarak. Sebagai contoh, anak angkat, tidak sabit nasab baginya dengan si mati kerana mereka bukan keturunan yang sah kepada si mati. Oleh itu, mereka tidak berhak menerima pusaka ibu atau bapa angkat mereka itu. Anak luar nikah pula tidak boleh dinasabkan kepada bapanya tetapi boleh menerima pusaka ibunya sahaja.

Ilmu fatwa pula adalah ilmu berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang telah ditetapkan dalam ilmu faraid. Fatwa hendaklah dikeluarkan dengan menyatakan siapakah waris yang berhak mendapat pusaka, siapa yang gugur dan siapa yang terhalang. Selain itu siapa yang dapat fardu dan siapa yang dapat ‘asobah. Fatwa juga dikeluarkan dengan menentukan kadar bahagian bagi setiap waris yang berhak menerima pusaka dan berapa nilai setiap daripada mereka akan menerima habuan masing-masing (Barraj, 1998 & Amirulhakim, 2007). Manakala ilmu hisab pula adalah ilmu matematik iaitu ilmu untuk mengira bahagian-bahagian yang diperoleh oleh setiap waris. Pengiraan lebih tertumpu kepada masalah pecahan terutamanya  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{1}{3}$ ,  $\frac{1}{4}$ ,  $\frac{2}{3}$ ,  $\frac{1}{6}$ , dan  $\frac{1}{8}$ . Semua masalah pecahan ini ada disebutkan dalam ayat al-Quran mengenai faraid yang pengkaji akan jelaskan dalam bahagian seterusnya. Tanpa kemahiran untuk menguasai ilmu matematik, masalah pembahagian harta pusaka akan menjadi tidak sempurna dan mungkin akan menimbulkan kekeliruan terutama sekali dalam masalah ‘aul dan sebagainya (Amirulhakim, 2007).

### **Rukun Pewarisan**

Dalam ilmu fiqh, rukun mestilah ada untuk mewujudkan hukum dan merupakan sebahagian daripadanya. Dalam faraid, rukun adalah asas yang penting untuk diketahui dalam pengagihan harta pusaka. Ia bagi memastikan pembahagian harta pusaka itu dapat dijalankan dengan sempurna. Terdapat tiga rukun dalam faraid iaitu:

i. *Al- Muwarrith* : Orang yang meninggal dunia.

Apabila seseorang itu meninggal dunia, maka segala hartanya hendaklah dipusakai oleh semua warisnya yang berhak mengikut syarat yang ditetapkan oleh syarak.

- ii. *Al-Warith*: Orang yang ada hubungan dengan orang yang meninggal dunia dengan sesuatu sebab yang membolehkannya menerima pusaka, seperti hubungan kekeluargaan (hubungan darah) dan perkahwinan.
- iii. *Al-Mauruth*: Harta yang menjadi pusaka iaitu harta yang dipusakai daripada orang yang meninggal dunia. Bentuk harta yang boleh dibahagikan secara faraid ialah tanah, bangunan (rumah), barang kemas (emas, perak dan lain-lain), insurans dan wang tunai iaitu samada dilaburkan atau tidak, binatang ternakan seperti kambing, lembu, unta, kerbau dan lain-lain.

### Syarat-syarat Pewarisan

- i. Mati Pemilik Harta:
- Harta seseorang itu boleh dibahagikan setelah pemiliknya meninggal dunia. Jika sebaliknya, maka harta itu tidak boleh dibahagikan. Kematianya hendaklah dipastikan sama ada mati *hakiki*, mati *hukmi* atau mati *taqdiri*. Mati *hakiki* yang juga dikatakan mati sebenar ialah sebagaimana biasa kematianya disaksikan, jenazahnya disaksikan, jenazahnya dimandikan, dikafankan, disolatkan, dan seterusnya dikebumikan. Mati *hukmi* ialah seseorang yang tidak disaksikan kematianya atau kematianya tidak dapat dibuktikan dengan nyata. Hal ini berkaitan dengan kes orang hilang (*masqud*) ketika berada di lautan atau mengembala di dalam hutan dan tidak diketahui statusnya yang sebenar sama ada masih hidup atau telah mati. Kematianya dapat disahkan oleh qadi atau hakim. Setelah disahkan kematianya oleh qadi atau hakim, barulah hartanya boleh dibahagikan kepada waris-waris sebagai harta pusaka (Sabuni, 2007).
- ii. Kewujudan Waris Waris:
- Hendaklah wujud atau hidup dengan pasti walaupun seketika semasa kematian pemilik harta atau pada waktu dia dihukum mati. Kewujudan waris itu hendaklah dipastikan secara *hakiki* atau *taqdiri*. Kewujudan secara *hakiki* ialah hidupnya secara nyata dan dapat dilihat atau keterangan mengenai hidupnya dapat diterima oleh syarak. Manakala kewujudan secara *taqdiri* pula ialah seperti janin dan bayi dalam kandungan ibunya kerana menurut hukum syarak, dia dianggap hidup dan dianggap ahli waris (Barraj, 1998).
- iii. Mengetahui Status dan Bahagian Waris serta Tiada Halangan Pewarisan:
- Status waris hendaklah diketahui dahulu sebelum pembahagian harta pusaka si mati dilaksanakan seperti suami, isteri, anak lelaki, anak perempuan, ibu atau bapa. Hubungan mereka dengan si mati hendaklah dipastikan sama ada hubungan kerabat dan darjah kerabatannya, perkahwinan atau *wala'*. Ini kerana bahagian yang diterima oleh setiap waris terdapat kaedah pembahagiannya dan berbeza mengikut statusnya. Di samping itu juga, waris mestilah tidak mempunyai salah satu daripada halangan-halangan pewarisan (Barraj, 1998 & Sabuni, 2010).

### Aset Digital di Malaysia

#### Definisi Aset Digital

Aset digital adalah segala perkara yang ada pada data binari dan ianya berdiri sendiri serta dapat dikenalpasti dengan cara yang unik dan ianya boleh digunakan untuk melabur dalam pelaburan saham. Pada tahun 20-an ini, dalam aset digital ini diberi panggilan dengan *cryptocurrency*. Kedua-duanya merupakan sebuah komoditi yang memiliki nilai jual beli tetapi tidak wujud secara '*ain*'. Fungsinya boleh digunakan sebagai *trading* dan sebagai media pelaburan yang memiliki

penyimpanan nilai. Seperti biasa dalam Islam segala perkara yang dilaksanakan dalam aset digital ini hendaklah dipastikan patuh syariah.

Matawang kripto yang dikenali juga sebagai mata wang digital atau *cryptocurrency* kini semakin mendapat tempat di Malaysia. Dengan situasi pandemik Covid-19 pada masa kini yang menjelaskan ekonomi terhadap seluruh masyarakat, ramai mencari peluang untuk menambahkan pendapatan mereka dengan pelbagai cara seperti perniagaan, perkhidmatan mahupun pelaburan. Dari segi pelaburan, masyarakat Malaysia melibatkan diri dengan kegilaan terbaru mereka iaitu pelaburan atau perdagangan berasaskan *cryptocurrency* yang dilihat sangat berdaya saing pada masa kini. Di peringkat global, pengasas Tesla Inc, dan SpaceX, Elon Musk, sebagai seorang pelabur *cryptocurrency* yang tegar, Tesla mengumumkan bahawa Bitcoin boleh digunakan sebagai satu bentuk bayaran untuk membeli kenderaan elektrik Tesla. SpaceX pula menerima *dogecoin* iaitu mata wang kripto yang berinspirasikan *meme* sebagai bayaran untuk misi ke bulan. Beberapa bank pusat global turut memberitahu bahawa mereka akan mengkaji dan berhasrat untuk menghasilkan mata wang kripto mereka sendiri. Antara bank pusat tersebut adalah *European Central Bank* (ECB), Riskbank, dan *Bank of England* (BoE) (Irfan, 2021).

### ***Platform Aset Digital Patuh Syariah di Malaysia***

Setakat ini, terdapat empat aset digital patuh syariah yang sah dan diluluskan untuk digunakan dalam pelaburan saham di Malaysia berdasarkan garis panduan SSM. Namun, pelaburan atau perdagangan mata wang kripto hanya boleh dilakukan melalui platform yang tersenarai di *Digital Asset Exchange* (DAX). Empat platform yang dilesenkan SSM adalah Luno Malaysia, SINEGY Technologies (M), Tokenize Technology (M) dan MX Global (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2021). Melalui platform-platform ini, para pelabur atau pedagang boleh melakukan transaksi aset digital yang dibenarkan oleh SSM (Irfan, 2021).

- i. Luno Malaysia Sdn. Bhd: Luno merupakan sebuah platform pertukaran mata wang kripto pertama yang mendapat kelulusan penuh daripada SSM pada bulan Oktober 2019. Luno telah pun beroperasi di Malaysia sejak tahun 2015. Menjelang tahun 2017, Luno telah dijadikan sebagai syarikat pertukaran aset digital terbesar di negara ini dan telah pun terlibat dalam kerjasama dan membantu pengawal selia dalam membentuk rang undang-undang peraturan mata wang kripto di Malaysia (Che Wan, 2019). Luno merupakan syarikat mata wang kripto terkemuka global yang mempunyai misi untuk menaik taraf dunia kepada sistem kewangan yang lebih baik. Luno mempunyai ibu pejabatnya di London dengan hab serantau di Singapura dan Cape Town. Selain itu pada masa kini hab serantau yang lain adalah di Kuala Lumpur, Johannesburg, Jakarta, Lagos, Sydney dan Stamford (Luno, 2022).
- ii. SINEGY Technologies (M) Sdn. Bhd.: SINEGY Technologies (M) Sdn. Bhd telah diperbadankan sebagai syarikat induk pertukaran aset digital pada tahun 2017. Misinya adalah untuk membawa aset digital ini lebih dekat dengan Malaysia. Sejak daripada itu, mereka telah membolehkan ribuan rakyat Malaysia mengakses aset digital melalui pertukaran syarikat ini. Syarikat ini telah mendapat kelulusan SSM pada Oktober 2019. Ia diasaskan di Georgetown, Pulau Pinang pada Jun 2017 dan mendapat lesen *Regional Marketing Organization* (RMO) daripada SSM pada 4 Jun 2019 (Irfan, 2021). Syarikat

- ini beroperasi melalui platform DAX mereka yang dinamakan *Marketplace* di laman web syarikat mereka sendiri, di mana mereka boleh berdagang Bitcoin dan Ethereum yang mesti menggunakan pengantaraan dengan Ringgit Malaysia (SINEGY, 2022).
- iii. Tokenize Technology (M) Sdn. Bhd.: Tokenize ini diasaskan oleh Hong Qi Yu, di mana beliau memulakan kerjayanya sebagai pengaturcara utama dalam permulaan *Fintech*. Sebagai peminat blockchain, Qi Yu mencebur perdagangan aset digital dan beliau kemudiannya menubuhkan Tokenize untuk membolehkan lebih ramai pelanggan yang berminat dan berfikiran sama pada era ini supaya dapat berdagang dalam platform ini dengan selamat dan terjamin. Pada 1 April 2020, Tokenize mendapat kelulusan penuh daripada SSM untuk mengendalikan DAX. Peristiwa ini merupakan saat yang penting untuk syarikat ini kerana ia meletakkan mereka di kalangan bursa untuk menawarkan *fiat-to-digital asset*. Ia diasaskan oleh Hong Qi Yu di Singapura pada tahun 2018 dan dianugerahkan lesen RMO pada Jun 2019 (Irfan, 2021). Syarikat ini berhasrat untuk berkembang menjadi platform kewangan aset digital yang memperkasakan pada generasi akan datang dengan aplikasi yang luas di dunia yang sebenar daripada harta tanah kepada sistem pembayaran harian (Tokenize, 2022).
- iv. MX Global Sdn. Bhd. : MX Global ditubuhkan pada tahun 2018 dan merupakan syarikat *Fintech* yang berpangkalan di Kuala Lumpur dengan misi untuk mencipta platform dagangan *cryptocurrencies* yang sangat mudah diakses dan selamat yang membolehkan pelabur, pengguna untuk menggunakan transaksi *cryptocurrencies*. Syarikat ini membayangkan platform dagangan MX Exchange akan menjadi platfrom kecairan pilihan untuk pelabur *cryptocurrencies* dan token *issuers*. Syarikat ini telah mencipta platform mesra pengguna untuk pelanggan mereka memulakan dagangan dalam Bitcoin dan Ethereum. MX global menawarkan penyelesaian secara *end-to-end* dalam menyimpan, membeli dan menjual *cryptocurrencies* dalam pertukarannya dan sistem pengurusan pematuhan MX Global dengan mencerminkan kawalan keselamatan siber yang kukuh, dan dapat memberikan ketenangan fikiran kepada pengguna syarikat mereka (MX Global, 2021).

### ***Status Aset Digital Mata di Malaysia***

Istilah lain bagi nama-nama instrumen ini ialah token pertukaran. Token pertukaran ini digunakan sebagai kaedah pertukaran atau untuk pelaburan. Ianya dikeluarkan oleh pihak swasta dan tidak disokong dengan aset. Dalam penyimpanan nilainya, segala aset digital ini masih tidak diiktiraf sebagai mata wang fiat yang sah digunakan untuk pengurusan muamalat dalam Islam. Justeru dalam medium pertukaran pula, semua aset digital ini tidak digunakan secara meluas sebagai kaedah pembayaran berikutnya pelbagai batasan. Disebabkan ianya aset digital, terdapat ramalan masalah yang boleh dihadapi jika tidak dapat dijaga dengan baik oleh pihak berautoriti. Sebagai contoh, masalah yang boleh berlaku adalah sebagaimana dalam pelaburan iaitu turun naik harga. Contoh masalah lain pula aset digital ini mudah terdedah kepada ancaman siber, isu penskalaan dan lain-lain. Untuk unit akaun dalam aset digital, ianya tidak digunakan secara meluas untuk penetapan harga barang dan perkhidmatan kerana ia masih lagi tidak diiktiraf sebagai mata wang fiat di negara kita (Bank Negara Malaysia, 2020).

Aset digital di negara kita dikawal selia oleh SSM melalui ICO dan dagangan aset digital di bursa aset digital di Malaysia. Peraturan-peraturan disediakan dalam laman web SSM agar aset digital tertakluk kepada undang-undang sekuriti bagi memastikan dagangan yang adil dan teratur serta perlindungan pelabur. Penerbit ICO dan bursa aset digital adalah tertakluk kepada Garis Panduan Mengenai Pencegahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan yang ditetapkan oleh SSM. Bank Negara Malaysia (BNM) mengingatkan bahawa aset digital adalah tidak dibenarkan untuk diperlakukan di Malaysia supaya orang ramai berhati-hati dalam menilai risiko yang berkaitan ketika berurusan dalam aset digital (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; Bank Negara Malaysia, 2018).

Menurut Timbalan Menteri Kewangan, Yamani Hafez Musa, BNM masih belum memutuskan untuk mengeluarkan *Central Bank Digital Currency* (CBDC) dalam masa terdekat. Pihak BNM akan terus menilai secara aktif potensi CBDC untuk mencapai objektif dasar awam. Kerajaan meletakkan strategi untuk memastikan rakyat Malaysia terutamanya belia, tidak ketinggalan dalam memahami mengenai teknologi *blockchain* ini dan pendirian kerajaan berkenaan penggunaan mata wang kripto dalam urus niaga harian serta inisiatif kerajaan untuk mengolah mata wang kripto sendiri (*Stablecoin*). Penggunaan mata wang kripto dalam urus niaga harian ini boleh memanfaatkan pelbagai industri, misalnya boleh menyimpan rekod penting dengan selamat dan digunakan untuk menjek harta intelek dalam perniagaan dan pelbagai kontrak undang-undang. Aset digital dapat dikeluarkan oleh syarikat untuk tujuan pengumpulan dana tertakluk kepada penerbit yang memenuhi syarat yang ditetapkan SSM sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019. Beliau berkata, secara umumnya, mata wang kripto bukan penyimpan nilai dan medium pertukaran yang baik disebabkan keadaannya yang terdedah kepada turun naik harga yang tidak menentu dan pendedahan kepada ancaman siber dan kekurangan dari segi skala (BERNAMA, 2021).

### **Fatwa Dan Pandangan Ilmuan Islam Terhadap Aset Digital**

Terdapat tiga pandangan ilmuan Islam terhadap aset digital *cryptocurrencies*:

#### **1. Pandangan Yang Mengharamkan**

Pendapat daripada Majlis Fatwa Mesir menyatakan mana-mana urusan yang melibatkan mata wang kripto ini tidak dibolehkan dari sudut syarak kerana risikonya yang terlalu besar terhadap individu dan negara. Antara alasannya ialah mata wang digital ini masih belum diiktiraf sebagai mata wang. Ia mempunyai unsur *jahalah*, *gharar* dan manipulasi yang amat sukar untuk dikawal selia oleh mana-mana pihak berautoriti apabila berlakunya pelaksanaan transaksi daripada kliencliennya. Selain itu, pengeluaran mata wang adalah hak mutlak pemerintah dan institusi Kewangan rasmi sesbuah negara. Ia juga boleh menjadi saluran untuk kegiatan-kegiatan haram dan melanggar undang-undang seperti penyumbangan dana kepada aktiviti pengganas (Daesh), penggubalan wang haram dan pengelakan untuk membayar cukai (*tax evasion*). Fatwa Mesir ini juga berpendapat mata wang kripto ini boleh menjadi pelaburan yang berisiko tinggi dan boleh menyebabkan kerugian yang menyeluruh terhadap pelabur, serta pelabur juga tidak disediakan ganti rugi atas kerugian tersebut (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Selain itu, terdapat kenyataan daripada Syeikh Ali Qaradaghi (Setiausaha Agung Kesatuan Ulama Sedunia) di mana beliau masih belum melakukan sebarang ketetapan akan hukum Bitcoin disebabkan oleh faktornya yang samar-samar untuk meneliti lebih lanjut mengenai mata wang kripto dari sudut positif dan negatifnya. Dalam kenyataan itu, tiada apa-apa persetujuan mengenai pandangan yang mengharuskan atau mengharamkan Bitcoin secara mutlak, dan beliau menggesa agar para ulama dan pakar ekonomi mengadakan satu pertemuan khas bagi mencapai satu kata sepakat berkenaan isu ini. Menurutnya lagi, Bitcoin boleh menjadi harus sekiranya penambahbaikan dilakukan terhadapnya dan ditetapkan beberapa *dhawabit* terhadapnya dan pelaksanaannya. Antara cadangannya adalah kerajaan mengiktiraf mata wang kripto sebagai mata wang alternatif kepada mata wang sedia ada bagi melindungi para pelabur daripada sebarang kerugian. Ini bertujuan untuk memudahkan kerajaan mengawal selia segala aktiviti berkaitan perdagangan mata wang digital ini (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018)

Pendapat lain daripada Dr Ahmad Sufyan Che Abdullah (Pensyarah Kanan Jabatan Syariah Universiti Malaya) pula secara peribadinya menyatakan Bitcoin tidak diharuskan kerana ia merupakan alat baharu yang tidak dapat dipastikan identitinya secara khusus sama ada ia berbentuk mata wang atau sebaliknya. Kesamaran ini juga disebabkan oleh Satoshi Nakamoto yang masih belum dikenalpasti identitinya. Terdapat isu-isu syariah yang boleh berlaku terhadap masyarakat awam jika mata wang kripto ini diharuskan untuk digunakan dalam pelaburan seperti kadar spekulasi yang tinggi, mudah berlaku penyelewengan dan penipuan, tiada sandaran, tiada kawalan daripada pihak berautoriti dan sebagainya (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018)

## 2. Pandangan Yang Mengharuskan

Sebahagian sarjana lain pula mengharuskan penggunaan mata wang kripto ini. Antaranya pendapat Mohd Daud Bakar yang menyatakan penetapan hukum pelaburan dalam Bitcoin adalah harus, dan keuntungan yang diperolehi mesti dikenakan zakat. Namun begitu, walaupun Bitcoin patuh syariah, depan mata wang kripto tersebut, masih tidak jelas. Selain itu, Bitcoin tidak mempunyai elemen *gharar* kerana nilai yang sangat tidak stabil dan kemungkinan sistem mata wang kripto itu sendiri akan runtuh pada bila-bila masa. Dalam perdagangan mata wang kripto ini, *khatar* tidak mempunyai kesan ke atas hukum sesuatu perkara dan ia harus dibezakan dengan *gharar* yang memberi kesan ke atas hukum. Sebagai contoh, emas, yang mana nilainya adalah sangat tidak stabil, namun ia tidak mengharamkan untuk umat Islam melaksanakan jual beli. Justeru, langkah yang perlu diambil adalah dengan memperkenalkan peraturan dan regulasi untuk mengawal kestabilan nilai dan pengurusan transaksinya. Hal yang sama juga harus diperkenalkan untuk Bitcoin (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Menurut Zaharuddin Abd Rahman pula, Bitcoin ini tiada elemen *gharar* pada peringkat penciptaan dan penghasilan Bitcoin itu sendiri, tetapi ditemui sewaktu peringkat transaksi di bursa (*exchange*) di mana masyarakat tidak boleh memastikan secara benar bahawa transaksi itu telah berlaku tanpa sebarang penipuan. Bitcoin boleh digunakan dalam urusan jual beli kerana ia menepati ciri-ciri mata wang yang digariskan dalam Islam, namun ia bukanlah mata wang yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa negara untuk membenarkan

ia digunakan sebagai transaksi dalam jual beli. Sesiapa yang melibatkan diri dengan Bitcoin ini hendaklah memastikan untuk membayar zakat apabila cukup haul. Selain itu, umat Islam tidak dibenarkan untuk memperdagangkan Bitcoin ini kerana ia adalah satu bentuk mata wang yang dilarang untuk diperdagangkan dalam Islam (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Berdasarkan pendapat Mufti Muhammad Abu Bakar (Penasihat Syariah Blossom Finance) bahawa kecenderungannya adalah lebih untuk mengharuskan Bitcoin dengan beberapa syarat. Antara syaratnya ialah Bitcoin hanya diharuskan di negara-negara yang tidak melarang transaksi Bitcoin itu. Bitcoin harus digunakan untuk jual beli atau digunakan sebagai mata wang digital menurut tujuan asal ia dicipta, dan bukannya sebagai satu aset pelaburan. Di samping itu, pengguna dinasihatkan agar berhati-hati jika berlaku sebarang muslihat untuk memperdaya pengguna dengan menjalankan keuntungan berlipat ganda atas nama pelaburan Bitcoin, serta risiko kerugian yang bakal dihadapi memandangkan ketidakstabilan nilainya di pasaran (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

### 3. *Tawaqquf*

Terdapat juga pendapat daripada ulama yang bersifat *tawaqquf* iaitu masih lagi belum memberi pandangan secara rasmi mengenai hukum menggunakan mata wang Bitcoin. Ini kerana mereka ingin mendapatkan gambaran yang lebih jelas, luas dan menyeluruh. Dalam satu kertas kerja yang dibentangkan oleh Marjan Muhammad (Ketua Pejabat Kawalan Mutu Penyelidikan ISRA) di Persidangan Meja Bulat Mata Wang Kripto dan Sistem Kewangan Digital di Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 28 Februari 2018, terdapat beberapa badan fatwa dan sarjana mengemukakan pandangan mengenai isu Bitcoin ini. Namun ISRA tidak melakukan sebarang pentarjihan ke atas manapun pendapat (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018)

### ***Kaedah Pengurusan Faraid Aset Digital***

Pengurusan faraid harta pusaka *cryptocurrency* ini sama seperti pengurusan harta alih yang lain. Berdasarkan jenis-jenis harta pusaka yang dijelaskan di atas, harta pusaka aset digital ini boleh dikategorikan dalam dua-dua jenis harta tersebut. Namun, pengurusan tersebut hendaklah mengikut kepada situasi yang berkaitan dengan jumlah seluruh harta pusaka si mati itu sama ada harta alih sahaja, harta alih dan harta tak alih, atau harta tak alih sahaja. Mengenai urusan khas faraid aset digital sebelum menggabungkan keseluruhan harta si mati, pihak waris si mati hendaklah memastikan dahulu jenis-jenis harta si mati yang ada seperti wang simpanan, wang tunai, kereta, tanah, saham dan termasuk juga aset digital sebelum menguruskannya mengikut prosedur mahkamah. Dalam pengurusan tuntutan harta pusaka aset digital ini, pihak waris mestilah mengetahui bahawa si mati pernah melibatkan diri dalam berdagang di syarikat aset digital di platform-platform yang diluluskan SSM dan patuh syariah itu sama ada Luno, SINEGY, Tokenize atau MX Global. Ini sangat penting agar harta pusaka aset digital ini tidak akan dibiarkan dalam pengurusan harta pusaka itu dan pihak waris wajib menuntutnya melalui medium pihak yang berautoriti. Dalam pengurusan tuntutan tersebut, pihak waris tidak perlu risau kerana segala platform berkenaan sudah mempunyai maklumat setiap pelanggannya dan sentiasa dikemas kini serta berhubung kait dengan SSM dan BNM.

### ***Agensi yang Menguruskan Faraid Aset Digital***

Mengenai agensi-agensi di Malaysia yang boleh dijadikan sebagai medium dalam pengurusan tuntutan harta pusaka, agensi yang akan difokuskan hanyalah agensi yang menguruskan harta alih kerana harta pusaka aset digital termasuk dalam jenis harta alih.

#### **1. Amanah Raya Berhad (ARB)**

ARB ialah sebuah syarikat milik penuh kerajaan yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka yang telah ditubuhkan sejak tahun 1921 merupakan sebuah syarikat Pemegang Amanah utama di Malaysia yang telah dikorporatkan pada tahun 1995. Syarikat ini menawarkan perkhidmatan Pengurusan Pewarisan kepada masyarakat. Mereka konsisten dalam mengekalkan kedudukan sebagai peneraju industri Pengurusan Pewarisan yang meliputi Perkhidmatan Wasiat, Pengurusan Amanah, dengan hasrat mereka akan sentiasa berusaha memenuhi keperluan masyarakat bagi melaksanakan perancangan terbaik untuk sesebuah keluarga. Syarikat ini juga bekerjasama dengan berbagai agensi kerajaan dan rakan strategik termasuk bank-bank utama serta institusi kewangan bagi menawarkan penyelesaian holistik berkaitan Pengurusan Pewarisan tanpa mengambil kira tahap kompleksiti permasalahan tersebut (Amanah Raya Berhad, 2022).

#### **2. Mahkamah Syariah**

Mahkamah Syariah terdiri daripada Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah. Penentuan nilai harta pusaka bagi menentukan Mahkamah mana yang berbidang kuasa ke atasnya telah dijelaskan sebelum ini dalam sub topik klasifikasi nilai faraid iaitu nilai keseluruhan harta pusaka yang tidak melebihi RM100,000.00 adalah di bawah Mahkamah Rendah Syariah, manakala bagi nilai keseluruhan harta pusaka yang melebihi RM100,000.00 adalah di bawah Mahkamah Tinggi Syariah (MyGovernment, 2021). Mahkamah Syariah hanya berperanan untuk mengeluarkan sijil faraid dan dirujuk apabila timbul isu-isu koleteral dalam sesuatu pengurusan dan pentadbiran harta pusaka seperti isu pengesahan ahli waris, isu pengesahan perkahwinan dan hak-hak ahli waris. Harta yang dibahagikan kepada ahli waris adalah baki harta yang ditinggalkan setelah ditolak segala pembiayaan, pengurusan jenazah, hutang-hutang pewaris sama ada berbentuk agama atau hutang kepada manusia dan menunaikan wasiat yang dibenarkan dalam syariat isl

## **PENUTUP**

Berdasarkan segala penjelasan mengenai pengurusan harta pusaka aset digital ini, jelas bahawa aset digital merupakan harta alih yang boleh dikategorikan sebagai ketiga-tiga jenis harta ini iaitu harta pusaka kecil, harta pusaka ringkas dan juga harta pusaka biasa. Ini kerana aset digital sama seperti harta alih yang lain di mana si mati mempunyai harta alih sahaja atau harta alih dan harta tak alih mengikut nilai yang ditetapkan dalam akta-akta berkaitan. Pihak waris hendaklah mengambil endah mengenai perkara ini agar pengurusan ini dapat dilaksanakan dengan telus dan amanah serta mematuhi syariat Islam. Selain itu, pihak waris juga hendaklah maklum mengenai agensi-agensi yang berbidangkuasa untuk menguruskan harta pusaka si mati yang sesuai dengan nilai jumlah hartanya dan jenis-jenis harta yang ada. Malahan dalam pengurusan untuk merujuk

kepada institusi berkaitan dengan segala harta alih tersebut juga perlu diambil tahu agar waris tidak ketinggalan dalam pengurusannya termasuklah maklumat mengenai syarikat *cryptocurrency*.

## RUJUKAN

- Amirulhakim Ahmad Nadzri. 2017. *Sistem Pewarisan Islam*. Ampang: Kolej Islam As Sofa.
- Mohd Zamro Muda. 2008. *Undang-undang dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*. Bangi: UKM.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 2007. *Fiqh Islam wa Adillatuhu*. Kuala Lumpur: Darussalam.
- Resali Muda. 2016. Harta Pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*. Jilid 4. 42-52.
- Malaysia. 1995. *Public Trust Corporation Act*. (Act 532).
- Malaysia. 1955. *Small Estates (Distribution) Act*. (Act 98).
- Amanah Raya Berhad. 2022. Pentadbiran Pusaka. <https://www.amanahraya.my/ms/pentadbiranpusaka/>. [2022].
- Bank Negara Malaysia. 2020. Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2020. [https://www.bnm.gov.my/o/ar2020/index\\_bm.html](https://www.bnm.gov.my/o/ar2020/index_bm.html). [31 Disember 2020]
- BERNAMA. 2021. BNM belum putuskan keluarkan CBDC. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/12/788754/bnm-belum-putuskan-keluarkan-cbdc>. [15 Disember 2021].
- Che Wan Badrul Alias. 2019. Luno Dapat Kelulusan SC Sediakan Dagangan Bitcoin, Ethereum. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/11/632272/luno-dapat-kelulusan-scsediakan-dagangan-bitcoin-ethereum>. [26 November 2019].
- Irfan Saleh. 2021. Luno, SINEGY & Tokenize. Tiga Platform Dagangan Kripto yang Diluluskan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). <https://laburglobal.com/2021/05/12/luno-sinegy-tokenize-tiga-platform-dagangan-kripto-yangdiluluskan-suruhanjaya-sekuriti-malaysia-sc/>. [12 Mei 2021].
- Luqman Tarmizi. 2018. Bayan Linnas Siri ke-153: Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin. [https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-matawang-bitcoin#\\_ftn75](https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-matawang-bitcoin#_ftn75). [15 November 2018].
- MX Global. 2021. About Us. <https://mxglobal.com.my/about-us/>. [2021].
- MyGovernment. 2021. Pengurusan Pembahagian Harta Pusaka. <https://www.malaysia.gov.my/portal/subcategory/167?language=my>. [2021].
- SINEGY. 2022. Our Milestones. <https://sinegy.com/about-us>. [2022].

Sofea Susan Albert Kassim. 2014. Kerajaan Belum Muktamadkan Status MH370 ± Majlis Fatwa Kebangsaan. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/11/19/status-mh370>. [19 November 2014].

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia & Bank Negara Malaysia. 2018. Kenyataan Bersama Mengenai Pengawalseliaan Aset Digital di Malaysia. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/kenyataan-bersama-mengenai-pengawalseliaan-aset-digital-di-malaysia>. [6 Diesember 2018].

Tokenize. 2022. About Tokenize Exchange. <https://tokenizemalaysia.com/about>. [2022].